

Warga tak berumah turut dibanci

Berita Harian 8/07/2010 MISA

Masalah berkaitan keluarga antara alasan golongan terbabit hidup merempat

Oleh Nahar Tajri
nahar@bharian.com.my

ALOR SETAR: Lebih 50 orang berusia antara 20 hingga 80-an dipercayai tidak berumah dikesan di beberapa lokasi di Kedah dalam operasi Banci Penduduk dan Perumahan 2010 yang bermula, kelmarin.

Jurucakap Jabatan Perangkaan negeri berkata, operasi yang akan tamat pada 22 Ogos itu membabitkan seramai 1,708 anggota yang akan mengumpul maklumat berkaitan punca golongan terbabit tidak memiliki rumah.

Katanya, operasi itu turut mendapat kerjasama Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS).

"Dalam bancian itu ramai antara individu tidak berumah yang memberi alasan berkaitan masalah keluarga hingga menyebabkan mereka menerima nasib sedemikian.

"Ada yang kata mereka tidak mahu menyusahkan

anak, selain kematian isteri yang menjadi punca mereka menjadi orang tidak berumah," katanya di sini.

Operasi bermula jam 12 malam itu membabitkan beberapa lokasi di Alor Setar, termasuk Shahab Perdana, Pekan Rabu, Jalan Pintu 10, Jeti Kuala Kedah, Jalan Langgar dan Jalan Putra.

Seorang penarik beca yang juga pengawal keselamatan, Osman Hamid, 80, mendakwa dia sudah menetap dalam beca di kaki lima bangunan Universiti Tun Abdul Razak, Jalan Langgar, di sini, sejak 30 tahun lalu kerana belum

berkahwin dan tidak mempunyai keluarga.

Katanya, dia mempunyai rumah di Kuala Kedah, tetapi tidak pernah menetap di situ kerana bosan tinggal sendirian.

"Selama 30 tahun inilah kehidupan harian saya. Beca ini macam rumah tempat saya tidur makan dan minum," katanya.


Seorang lagi penarik beca Ramli Osman, 74, berkata, sejak kematian isterinya 20 tahun lalu, dia mengambil keputusan tinggal di stesen teksti lama, di sini kerana kesunyian dan tidak mahu menyusahkan anak.

"Isteri saya sudah lama meninggal dunia dan saya rasa sunyi hingga menyebabkan saya memilih hidup begini. Walaupun ada anak, saya tidak mahu menyusahkan mereka.

"Ini kehidupan saya dan selesa begini dengan beca menjadi rumah sejak 20 tahun lalu," katanya sambil menambah bagi menampung perbelanjaan bulanan, dia mengayuh beca dan mampu memperoleh sehingga RM15 sehari.

“*Dalam bancian itu ramai individu tidak berumah beri alasan berkaitan masalah keluarga hingga mereka menerima nasib sedemikian”*

**Jurucakap
Jabatan Perangkaan
Kedah**



PEGAWAI Jabatan Perangkaan bersama penguatkuasa MBAS, Rela dan JKM menjalankan operasi membanci penduduk di sekitar Alor Setar, malam kelmarin.